



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

DITERBITKAN
SEJAK
2002

BERITA

GERBANG INOVASI | KUALITI | PRODUKTIVITI

SUKU TAHUN (1/2025)



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING TELAH MENERIMA ANUGERAH MALAYSIA INSTITUTE OF PLANNERS PLANNING EXCELLENT AWARDS 2024 (MIPPEA)



24 Januari 2025 - Majlis Perbandaran Taiping telah menerima Anugerah Malaysia Institute Of Planners Planning Excellent Awards 2024 (MIPPEA) anjuran Institut Perancang Bandar Malaysia. Anugerah yang dimenangi adalah bagi kategori Heritage And Conservation. The Residensi@Casuarina Inn telah dipilih memenangi bronze award. Anugerah ini telah diterima oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping, Tuan Khairul Amir Bin Mohamad Zubir. Anugerah telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (Planmalaysia), Tpr Dr. Alias bin Rameli.

MAJLIS PENYERAHAN BANGUNAN PASAR TAIPING OLEH KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KEPADA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

10 Februari 2025 - YBrs. Tuan Ar. Zuhairi bin Manaf, Timbalan Ketua Pengarah (Perundangan dan Perundangan) Jabatan Kerajaan Tempatan telah menyerahkan 'Mock up' kunci dan sijil siap bina kepada Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping semasa Majlis Penyerahan Bangunan Pasar Taiping oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Majlis Perbandaran Taiping bertempat di Pasar Taiping. Pasar Taiping yang terletak di pusat bandar Taiping, terdiri daripada dua bangunan bersejarah yang dipisahkan oleh Jalan Kota. Pasar Lama dibina pada tahun 1884, diikuti oleh Pasar Baru pada tahun 1885. Kedua-dua bangunan ini mempunyai panjang 220 kaki dan lebar 60 kaki, dibina dengan tiang kayu, papan konkrit dan atap zink. Pada tahun 2018, YB Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengumumkan peruntukan dana bagi memulihkan Pasar Taiping yang mengalami kerosakan teruk pada struktur kayunya. Projek pemulihan ini bertujuan untuk mengekalkan keaslian pasar yang bersejarah ini dan menjadikannya sebagai pasar warisan kebangsaan pertama di Malaysia. Pada 22 Julai 2023, YB Menteri KPKT meluluskan peruntukan tambahan untuk membangunkan Pasar Taiping sebagai Pasar Warisan Negara. Pasar tersebut akan dibina semula dengan mengekalkan ciri-ciri warisannya, termasuk struktur, reka bentuk dan warna asal. Pada 30 September 2024, kerja-kerja pemuliharaan Pasar Taiping diselesaikan dan siap sepenuhnya. Pasar yang berusia 140 tahun ini dijangka menjadi ikon warisan negeri Perak akan dibuka semula. MPT mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atas sumbangan dan kerjasama yang amat berharga dalam memastikan projek ini dapat disiapkan dengan jayanya. Penyerahan bangunan Pasar Taiping ini bukan sahaja satu pencapaian yang membanggakan tetapi juga simbol komitmen berterusan dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat. Diharapkan bangunan ini dapat berfungsi dengan baik serta memberi manfaat kepada peniaga dan pelanggan, sekaligus merencanakan lagi ekonomi daerah Taiping.



MAJLIS PELUNCURAN LAMPU LIMPAH PADANG ESPLANADE TAIPING

10 Februari 2025 - Majlis Peluncuran Lampu Limbah Padang Esplanade Taiping telah menandakan satu lagi pencapaian bersejarah bagi bandar Taiping. Dengan peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), projek ini telah siap sepenuhnya pada 26 Disember 2024. Padang Esplanade Taiping yang sering menjadi lokasi pelbagai aktiviti sukan dan riadah, kini lebih selamat dan menarik dengan pemasangan lampu limbah LED dan tiang setinggi 20 meter, setaraf dengan lampu limbah padang bola sepak profesional. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Tuan Wong Kah Woh, Timbalan Menteri Pendidikan merangkap Ahli Parlimen Taiping. Turut hadir ialah YB Tuan Teh Kok Lim, Pengerusi Jawatankuasa Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar & Teknologi Hijau, YB Tuan Ong Seng Guan, ADUN Pokok Assam, YBrs. Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir, Yang Dipertua MPT, Tuan Haji Mohamad Yusoff bin Caroshau, Pengerusi Kelab Sukan & Kebajikan MPT, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan MPT. Sebagai acara kemuncak, majlis ini dimeriahkan dengan perlawanan persahabatan bola sepak di antara pasukan MPT FC dan PERAK FC II. Projek ini mencerminkan usaha berterusan untuk meningkatkan kemudahan awam dan kesejahteraan komuniti di Taiping. Terima kasih kepada KPKT di atas sokongan yang diberikan.



MAJLIS PELUNCURAN KEMPEN KESEDARAN PENGUMPULAN SISA ELEKTRIK & ELEKTRONIK (E-WASTE)

9 FEBRUARI 2025 (AHAD) - Majlis Peluncuran Kempen Kesedaran Pengumpulan Sisa Elektrik & Elektronik (e-waste) telah diadakan di Taman Botani Perak. Majlis peluncuran telah disempurnakan oleh Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir, Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Taiping bersama Ahli-Ahli Majlis serta komuniti warga Taiping yang turut sama hadir memeriahkan majlis ini. Pelbagai aktiviti menarik telah berlangsung sepanjang program ini diadakan seperti aktiviti Senamrobik bersama KBSi Shidi, aktiviti Funwalk di dalam Taman Botani Perak, Cabutan Bertuah serta Kaunter Pengumpulan Barangan E-Waste. E-Waste adalah sisa buangan yang terdiri daripada elektrik dan elektronik, dimana jika tidak diuruskan secara sistematik atau dibakar, ianya berpotensi mengeluarkan gas berbahaya yang boleh mengakibatkan kemusnahan alam dan memudaratkan kesihatan. Contoh barangan E-Waste adalah seperti televisyen, alat penghawa dingin, peti ais, komputer riba, telefon, pencetak dan lain-lain barangan elektronik. Program Kempen Kesedaran Pengumpulan Sisa Elektrik & Elektronik (e-waste) yang dianjurkan ini dapat membantu masyarakat memahami kepentingan dalam menguruskan E-Waste dengan cara yang betul seperti mengitar semula bahan-bahan elektronik yang tidak terpakai dan membuangnya ke tempat yang lebih sesuai supaya ekosistem persekitaran alam semula jadi sentiasa terpelihara. Selain itu, aktiviti Funwalk yang diadakan di dalam Taman Botani telah berjaya menarik minat komuniti Taiping untuk turut serta bersama seisi keluarga berjalan sambil menghabiskan masa di hari minggu bersama-sama dan semua peserta juga diperkenalkan dengan pelbagai spesies koleksi tumbuhan yang berada didalam Taman Botani tersebut.



MPT TERIMA LAWATAN PENANDA ARAS PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DARI JKR PERAK TENGAH



9 Januari 2025 - Majlis Perbandaran Taiping merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas lawatan penanda aras dari Jabatan Kerja Raya Perak Tengah. Delegasi lawatan seramai 18 orang kakitangan JKR Perak Tengah yang diterajui oleh Ir.Ahmad Abdul Shahid bin Mohamad, Jurutera Daerah, JKR Perak Tengah telah disambut oleh Puan Nor Atiqah Bt Md Aini, Pengarah Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan selaku Setiausaha Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MPT bersama Urusetia KKP MPT. Sesi taklimat berkaitan amalan dan pelaksanaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di MPT telah diberikan kepada delegasi lawatan bagi berkongsi ilmu dan bertukar pandangan serta pendekatan Majlis Perbandaran Taiping ke arah perancangan dan pelaksanaan KKP bagi tahun 2025. Fokus utama lawatan ini adalah untuk mempelajari kaedah dan strategi dalam pelaksanaan KKP oleh MPT yang boleh menjadi nilai tambah dalam pelaksanaan KKP di JKR Perak Tengah. Diharapkan sesi taklimat dan lawatan yang dilaksanakan dapat memenuhi hasrat delegasi JKR Perak Tengah dalam menerajui Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan lebih cemerlang.

MPT TERIMA LAWATAN PENANDA ARAS PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DARI JKR KUALA KANGSAR



26 Februari 2025 - Majlis Perbandaran Taiping merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas lawatan penanda aras dari Jabatan Kerja Raya Kuala Kangsar. Delegasi lawatan seramai 17 orang kakitangan JKR Kuala Kangsar yang diterajui oleh Tuan Ahmad Fariz bin Sapian, Jurutera Daerah, JKR Kuala Kangsar telah disambut mesra oleh Puan Nor Atiqah bt Md Aini, Pengarah Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan selaku Setiausaha Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MPT bersama Urusetia KKP MPT. Sesi taklimat berkaitan amalan dan pelaksanaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di MPT telah diberikan kepada delegasi lawatan bagi berkongsi ilmu dan bertukar pandangan serta pendekatan MPT ke arah perancangan dan pelaksanaan KKP bagi tahun 2025. Fokus utama lawatan ini adalah untuk mempelajari kaedah dan strategi dalam pelaksanaan KKP oleh MPT yang boleh menjadi nilai tambah dalam pelaksanaan KKP di JKR Kuala Kangsar. Diharapkan sesi taklimat dan lawatan yang dilaksanakan dapat memenuhi hasrat delegasi JKR Kuala Kangsar dalam menerajui Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan lebih cemerlang..

SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA)



Majlis Perbandaran Taiping telah menggunakan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak sebagai medium Pengurusan Aduan Awam. Penggunaan SISPAA dapat mempercepatkan dan memudahkan proses penyampaian maklum balas kepada pengadu. Orang awam adalah digalakkan membuat aduan menggunakan SISPAA dipautan <https://perak.spab.gov.my/.../isdmscas.../ISdmsCasePool/add.do>

Kalau anda mahu cemerlang, anda mesti sanggup bertembung dengan banyak halangan. Halangan terbesar adalah MINDA anda sendiri, yang hanya sukakan sesuatu yang selesa dan mudah.

- Inamori Kazuo



Diterbitkan oleh : Bahagian Kualiti
Editor : Encik Nor Azizee Abdul Aziz
Urusetia : Cik Nazurah Mohsin Arshad
Cik Puteri Fazira Syawati
Mohammad
Pautan : <http://www.mptaiping.gov.my>